

Responsif atau peka terhadap keperluan-keperluan yang berbeza bagi kelompok yang berlainan.

Memastikan semua pihak dipertimbangkan dalam perancangan dan penerapan bajet.

Mengumpul data untuk membuat dasar yang lebih baik dan menyeluruh.

Memastikan dana awam diperuntukkan kepada golongan yang memerlukan.

Memastikan dasar atau bajet memberi manfaat kepada komuniti dari segi ekonomi dan sosial.

Mengamalkan tadbir urus yang baik.

Mencapai kesaksamaan gender di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sejajar dengan dasar-dasar kesaksamaan gender kebangsaan dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).

Sila imbas kod QR dengan telefon pintar anda untuk ke laman web kami!

<http://www.youtube.com/user/GRBPenang>
 (Tel) 04-261 2835/526 (Faks) 04-261 2839
 TINGKAT 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang
www.grb-pwdc.org.my | info@pwdc.org.my
www.facebook.com/GRBPenang | www.twitter.com/GRBPenang

Hubungi!

1 E-aduan

2 Kaji Selidik Bajet MPPP/MSP

3 Kumpulan Tumpu Bincang dan Dialog Bajet

Peranan Anda? Suarakan hak dan keperluan anda menerusi:

Kelompok Berlainan Keperluan Berbeza

BAJET RESPONSIF GENDER

Sebuah Projek Perdana PWDC

Apa itu BRG?

Bajet Peruntukan Wajar

Responsif Peka Kepada Keperluan

Gender Kelompok Berlainan

► Bajet Responsif Gender (BRG) adalah satu pendekatan dalam membuat bajet dan dasar yang mengambil kira keperluan yang berbeza oleh kelompok masyarakat yang berlainan terutamanya dalam perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.

► Projek Perintis BRG selama tiga tahun dari 2012 hingga 2014 adalah usahasama antara **Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC)** dengan dua kerajaan tempatan iaitu **Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)** dan **Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPS)**.

► Projek ini turut mendapat sokongan padu dan pembiayaan daripada **Kerajaan Negeri Pulau Pinang**.

Kenapa BRG?

- **Memberikan** rakyat hak bersuara tentang perkhidmatan awam yang disediakan oleh kerajaan tempatan.
- **Menggalakkan** demokrasi tempatan, kesaksamaan gender dan keadilan sosial.
- **Membuka** ruang kepada komuniti untuk menyertai dialog bajet dan proses membuat keputusan.

Peranan BRG?

KOMUNITI

- Bertindak sebagai **pengguna perkhidmatan**.
- **Menyuarakan** keperluan-keperluan kepada BRG menerusi **dialog dan kumpulan tumpu-bincang**.

BRG

- Bertindak sebagai **pengantara** antara komuniti dengan kerajaan.
- Mengambil kira keperluan berlainan oleh kelompok yang berbeza (lelaki, wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU) dalam perancangan bajet kerajaan tempatan.
- **Memudahkan** proses penyampaian keperluan komuniti kepada kerajaan tempatan.

KERAJAAN NEGERI DAN TEMPATAN

- Bertindak sebagai **penyedia perkhidmatan**.
- Bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan seperti pungutan sampah sarap, kebersihan, lampu jalan dan longkang kepada komuniti.

Projek BRG membuka ruang komunikasi dua hala antara komuniti dengan kerajaan terutamanya dalam dialog bajet tahunan.